

BAHAGIAN UKUR BAHAN DAN PENGURUSAN KONTRAK (BUBPK)

CABARAN INOVASI 2017

TAJUK PROJEK: *INSTANT SURAT SETUJUTERIMA TENDER* **(*Instant SST*)**

NAMA KUMPULAN: BUBPK REVOLUTION

(J.K.R 203D - Pind. 2/2015)

KERAJAAN MALAYSIA
SURAT SETUJUTERIMA TENDER

Rujukan:

Pejabat:

.....
.....

.....
.....

Kepada:

.....
.....
.....

(Kontraktor)

(Berdaftar dengan CIDB dalam Gred " ")

Bertaraf Bumiputera/Bukan Bumiputera*)

No. Pendaftaran GST ()

Tuan,

Tender untuk:

Dengan ini adalah diberitahu bahawa Tender tuan bagi kerja-kerja tersebut di atas berharga Ringgit Malaysia :

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN

ISI KANDUNGAN

BIL.	TAJUK	MUKA SURAT
1	RINGKASAN EKSEKUTIF	1
2	PENGENALAN	
	2.1 Latar Belakang	2
	2.2 Tujuan	3
	2.3 Kronologi Cetusan Idea Pembuktian	3 -4
	2.4 Bidang Inovasi	5
	2.5 Kategori Inovasi	5
3	PRODUK INOVASI	6
	3.1 Impak Inovasi	
	i. Masa	6
	ii. Kualiti	6 -7
	3.2 Gambar-gambar Inovasi	7-8
4	PENUTUP	9

1.0 RINGKASAN EKSEKUTIF

Produk inovasi ini bertujuan untuk menghasilkan Surat Setujuterima Tender (SST) yang bebas kesilapan dengan mengambil kira dasar semasa Kerajaan dan SST dapat terus dicetak. Kami mendapati banyak kesilapan maklumat yang diisi dalam penyediaan SST seperti kesilapan pengiraan GST, Harga Kontrak, jumlah Bon Pelaksanaan, Wang Pendahuluan, tarikh siap projek, tempoh liputan insurans kerja dan lain-lain yang mengakibatkan berlaku kelewatan untuk menyediakan SST kerana proses pembetulan.

'*Instant SST*' adalah produk inovasi untuk mengisi dan mengira secara automatik bagi maklumat-maklumat penting dalam penyediaan SST. Kesilapan SST akan memberi impak dari segi kontraktual ke atas projek-projek Kerajaan dan juga memberi implikasi kepada penjawat awam sekiranya berlaku pengauditan kelak kerana cuai dalam menjaga kepentingan Kerajaan.

Dengan terhasilnya produk inovasi ini, SST dapat disediakan dengan cepat tanpa kesilapan maklumat dan pengiraan.

2.0 PENGENALAN

2.1 Latar Belakang

Bahagian Ukur Bahan dan Pengurusan Kontrak (BUBPK) merupakan salah satu bahagian di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia. Objektif Bahagian ini adalah untuk memastikan perkhidmatan ukur bahan dalam pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak dilaksanakan secara efektif dan berkualiti.

Senarai tugasan Bahagian ini merangkumi bidang Pra Kontrak dan Pos Kontrak. Antaranya adalah melaksanakan audit teknik terhadap dokumen dan perakuan yang berkaitan dengan perolehan dan kontrak, menyediakan Laporan Penilaian Tender, dan menyediakan **Surat Setujuterima Tender**.

Bagi tender-tender kerja di Ibu Pejabat yang dibawa ke Lembaga Perolehan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, BUBPK ditugaskan untuk menyediakan Surat Setujuterima Tender bagi projek-projek berkenaan. Manakala bagi projek negeri, adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan di negeri untuk menyediakan Surat Setujuterima Tender. Pihak BUBPK akan menyemak semua SST Negeri yang perlu ditandatangani oleh pegawai-pegawai yang diberikuasa untuk menandatangani kontrak bagi pihak Kerajaan Persekutuan di peringkat Timbalan Ketua Pengarah ke atas.

2.2 Tujuan

Penghasilan *Instant SST* adalah sebagai ‘*platform*’ untuk menyediakan SST yang tepat serta memudahkan pegawai JPS Ibu Pejabat dan Negeri. *Instant SST* ini juga dapat memastikan pengisian dan penghasilan SST di semua peringkat adalah sama dan seragam.

2.3 Kronologi Cetusan Idea dan Pembuktian

- Pada tahun 2005 pakej penyediaan SST telah diwujudkan di BUBPK;
- Penggunaan pakej ini adalah terhad di BUBPK sahaja sehingga kini;
- Setelah kenaan GST berkuatkuasa pada 1 April 2014, Surat Pekeliling Ketua Pengarah JPS Malaysia Bil 10/2015 - Garis Panduan Pelaksanaan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014 Bagi Perolehan Kerja Kerajaan telah dikeluarkan bagi menggantikan format SST terdahulu dengan format SST baru iaitu J.K.R. 203D – Pind. 2/2015.
- Pakej terdahulu adalah tidak selaras dengan SST baru yang dikeluarkan kerana tidak mengambil kira kenaan GST. BUBPK perlu membuat pembetulan dan pengiraan secara manual setiap kali mengisi pakej SST sedia ada.
- Melalui program inovasi, BUBPK mengambil inisiatif untuk menghasilkan pakej baru yang memenuhi kehendak arahan pekeliling semasa mulai awal tahun 2017 dan inovasi ini dilaksana dalam 3 Fasa iaitu:

- Fasa 1:
Produk inovasi '*Instant SST*' untuk mengisi dan mengira secara automatik bagi maklumat-maklumat penting yang diperlukan dalam penyediaan SST
- Fasa 2:
Migrasi Fasa 1 kepada platform 'web-based' dan naiktaraf dengan tambahan SST yang dapat terus dicetak.
- Fasa 3:
 - i) Produk inovasi dalam bentuk aplikasi telefon pintar (*smartphone apps*) yang membolehkan pegawai membuat pengiraan tarikh, jumlah dan maklumat-maklumat asas dalam penyediaan SST.
 - ii) Status penyediaan SST dapat dipantau (*tracking apps*) mulai dari keputusan Lembaga Perolehan sehingga pengakuan penerimaan SST oleh pihak Kontraktor. Ini memudahkan pegawai membuat perancangan dalam pelaksanaan projek.

2.4 Bidang Inovasi – Penyampaian Perkhidmatan

Instant SST dapat meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan JPS. Ia dapat memberi nilai penambahbaikan kepada sistem, kaedah sedia ada dan cara kerja.

2.5 Kategori Inovasi – Penambahbaikan

Penambahbaikan kepada Pakej Pengisian SST yang telah diwujudkan oleh BUBPK pada tahun 2005 kepada *Instant* SST 2017 dapat menghasilkan “zero error” dan memastikan data dan kiraan yang diperlukan dalam SST disemua peringkat diseragamkan. Sejajar dengan terma peruntukan kontrak.

3.0 PRODUK INOVASI – *INSTANT SST*

Instant SST adalah produk yang terhasil dari cetusan idea sedia ada yang dicipta oleh BUBPK pada tahun 2005. Setelah sekian lama, hampir 12 tahun menggunakan pakej semakan SST sedia ada, didapati pakej ini tidak lagi memenuhi kehendak semasa dan perlu ditambahbaik sejajar dengan teknologi dan peruntukan semasa. Elemen yang penting yang perlu diterapkan apabila menguruskan SST adalah masa, ketepatan informasi dan keseragaman SST itu sendiri.

3.1 IMPAK INOVASI

i. Masa

Setelah menerima keputusan tender dari Lembaga Perolehan NRE, pihak BUBPK dengan segera perlu menyediakan SST. Dengan adanya ***Instant SST***, pengiraan seperti jumlah harga kontrak termasuk GST, jumlah wang jaminan pelaksanaan, polisi insurans untuk kerja, pengiraan tarikh mula kerja dan tarikh siap kerja, tempoh liabiliti kecatatan, tarikh tamat liabiliti kecatatan dan jumlah wang pendahuluan dapat dibuat secara automatik dengan mengisi beberapa informasi tentang projek tersebut. SST dapat dikeluarkan dengan segera.

ii. Kualiti

Dengan pengisian informasi yang betul menggunakan *Instant SST*, semua pengiraan dibuat secara automatik dan bukan lagi secara manual. Ini dapat memastikan tiada kesilapan pengiraan dilakukan dan secara tidak langsung menghasilkan SST yang berkualiti.

Disamping itu, produk inovasi ini akan dilaksana dalam tiga (3) Fasa sepetimana yang telah dinyatakan dalam para 2.3 iaitu dari pengiraan secara automatik sehingga kepada pemantauan penyediaan SST (*tracking apps*).

3.2 Gambar-gambar inovasi

i. Pakej Semakan SST Yang Dihasilkan Pada Tahun 2005

SEMAKAN SURAT SETUJUTERIMA	
Silakan masukan maklumat yang diperlukan di petak petak berwarna <u>BIRU</u> sahaja Maklumat yang sedia ada hanyalah CONTOH	TARIKH SEMAKAN 17-Aug-17
NO KONTRAK:	
TARIKH MULA MILIK TAPAK:	12-Dec-05
TEMPOH KONTRAK DALAM MINGGU:	MINGGU 4
TARIKH SIAP KERJA ASAL:	8-Jan-06
HARGA KONTRAK ASAL:	RM 1,000,000.00
BON PELAKSANAAN:	RM 50,000.00
POLISI INSURAN UNTUK KERJA:	RM 1,000,000.00
TEMPOH LIABILITI KECACATAN:	BULAN 12
TARIKH TAMAT TEMPOH LIABILITI KECACATAN [termasuk 3 bulan 14 hari]	24-Apr-07
<i>Disediakan oleh: RY/mahani</i>	

Gambar 1 : Pakej Semakan SST 2005

ii. Produk Inovasi: *Instant SST*

INSTANT SST		
TAJUK PROJEK		
1	Perolehan Kontrak	203A Tender *Sila Pilih
2	Nama Kontraktor	
3	Alamat Kontraktor	
4.1	Harga Tender	RM [REDACTED]
4.2	6% GST	RM 0.00
4.3	Harga Kontrak	RM 0.00
4.4	WPS dan WKP	RM [REDACTED]
5	Tempoh Kontrak	12 Bulan
	Tempoh Liabiliti Kecacatan	12 Bulan
6	Tarikh Milik Tapak	26-Jan-14 Monday
7	Tarikh Siap	25-Jan-15 Monday
8	Bon Perlaksanaan	5% dari Harga Kontrak = RM [REDACTED] -

Gambar 2 : *Instant SST*

4.0 PENUTUP

BUBPK amat mementingkan pencapaian dan objektif Bahagian ini untuk memastikan perkhidmatan ukur bahan dalam pengurusan perolehan dan pentadbiran kontrak dilaksanakan secara efektif dan berkualiti. *Instant SST* dihasilkan dengan tujuan tersebut. Namun penghasilan *Instant SST* bagi projek Inovasi pada tahun ini adalah bagi Fasa I sahaja daripada penghasilan keseluruhan sistem yang dinamik.

Instant SST yang telah dicipta kini masih lagi di peringkat semi-automatik, ini adalah kerana produk inovasi ini hanya dapat mempercepatkan masa penghasilan SST dengan hanya ‘key-in’ maklumat asas yang tertentu bagi mendapatkan harga dan tarikh yang tepat. Penjanaan SST secara automatik akan dibuat di dalam Fasa 2.

Harapan BUBPK adalah untuk menghasilkan produk inovasi yang bukan sahaja membantu mempercepatkan dan membantu penghasilan SST secara cepat dan tepat, tetapi juga dapat menghasilkan SST secara automatik. Dicadangkan produk inovasi ini **ditambahbaik dan diserap dalam pembangunan sistem pengurusan projek yang diterajui oleh Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM)** kelak untuk Fasa ke-2 dan Fasa ke-3. Untuk menghasilkan sistem yang automatik dan dapat dijana terus keluaran SST dengan format yang seragam, pihak BUBPK memerlukan bantuan kepakaran di dalam bidang ICT.